

Headline	UM kekal kedudukan dalam 350 terbaik dunia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Sep 2021	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	8
ArticleSize	405 cm ²	Journalist	Nas Norziela Nasbah
PR Value	RM 40,233		



UM kekal kedudukan dalam 350 terbaik dunia

Penilaian 1,662 universiti daripada 99 negara, wilayah seluruh dunia

Oleh Nas Norziela Nasbah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Universiti Malaysia (UM) mengekalkan kedudukannya dalam 350 universiti terbaik dunia untuk empat tahun berturut-turut, berdasarkan penarafan dikeluarkan *Times Higher Education World University Rankings (THE-WUR) 2022*.

Senarai pengiktirafan dalam sesawang THE-WUR 2022 itu juga menunjukkan penilaian dibuat terhadap 1,662 universiti daripada 99 negara dan wilayah seluruh dunia, berbanding 1,526 universiti pada 2021.

Sebanyak 18 universiti dari Malaysia tersenarai dalam THE-WUR 2022 berbanding 15 universiti pada 2021 dan 13 buah universiti pada 2020.

THE-WUR 2022 yang dikeluarkan semalam, menunjukkan UM adalah universiti dari Malaysia yang berada dalam kedudukan tertinggi apabila disenaraikan

“Matlamat kami adalah menjadi penanda aras institusi pengajian tinggi lain untuk menyiapkan segala yang terbaik untuk graduan kami”

Dr Mohd Hamdi Abd Shukor,
Naib Canselor UM



sebagai 301 hingga 350 universiti terbaik dunia, untuk tahun keempat berturut-turut.

Mengulas pencapaian itu, Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Mohd Hamdi Abd Shukor, menyifatkan ia sebagai menjadi penanda aras pencapaian UM berbanding institusi lain.

“Fokus kami bukan hanya pada peringkat universiti sahaja. Matlamat kami adalah menjadi penanda aras institusi pengajian tinggi lain untuk menyiapkan segala yang terbaik untuk graduan kami.

“Saya gembira kerana warga UM terus meletakkan Malaysia di pentas global melalui dedikasi, semangat, kesatuan dan kerja keras dalam menyantuni negara serta memberi kesan kepada dunia. UM akan berusaha melonjakkan nilai ilmu pengetahuan dan mendidik bakal pemimpin yang bercita-cita tinggi,” katanya dalam kenyataan semalam.

Sementara itu, Universiti Tek-

nologi Petronas (UTP) menjadi universiti Malaysia kedua mendapat kedudukan tertinggi THE-WUR 2022, apabila diiktiraf berada dalam kategori 600 terbaik untuk sekian kalinya.

Ini menunjukkan peningkatan terbaik bagi UTP berbanding kedudukan 601 sehingga 800 pada 2021.

Naib Canselor UTP, Prof Dr Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib, menyifatkan ini adalah pencapaian terbaik universiti itu sejak penyertaannya pada 2017.

“Buat kali pertamanya, UTP melepasi band 501-600, iaitu peningkatan daripada band terdahulu 601-800. Pencapaian ini adalah antara bukti UTP amat berkecekapan melaksanakan komitmennya kepada semua pihak berkepentingan, terutamanya syarikat induk kami PETRONAS, para pelajar, ibu bapa, pihak penaja dan rakan kerjasama,” katanya.

Lima universiti tempatan negara yang mengekalkan kedudu-

kan 601-800 adalah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) masih mengekalkan kedudukan 2021 (801-1,000) yang kali ini turut disertai Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Bagaimanapun, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang sebelum ini diiktiraf universiti tempatan kedua tertinggi pada tahun lalu, menunjukkan penurunan apabila hanya mampu berada pada kedudukan 1,001-1,200.

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengekalkan kedudukan dengan 1,001-1,200 manakala dua universiti tempatan yang pertama kali termasuk dalam senarai pengiktirafan ini, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), masing-masing di kategori 1,201 ke atas.

Lima universiti tempatan lain, Multimedia University (MMU), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), masing-masing berada di kategori 1,201 ke atas berbanding sebelum ini di kategori 1,001.